

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

**HIS 202 Sumber dan Prinsip Perundangan Islam**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** SOALAN DI DALAM **TIGA (3)** HALAMAN.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

1. Firman Allah S.W.T., surah Ali-'Imran, ayat 97 yang bermaksud: *Dan kerana Allah, wajib ke atas manusia mengerjakan haji ke Baitullah, kepada mereka yang berkuasa ke sana.*

Berdasarkan ayat di atas, jelaskan .....

- [a] jenis hukum syara' yang telah diperintahkan.
- [b] pecahan hukum syara' yang sedemikian.
- [c] perbezaan di antara 'illah dan sebab 'illah.
- [d] maksud istilah 'azimah dan mani'.

.../2

2. Firman Allah S.W.T., surah al Baqarah, ayat 106 yang bermaksud: *Tidak Kami mansuhkan mana-mana ayat ataupun Kami lupakannya Kami datangkan dengan yang lebih baik daripadanya atau dengan yang setara dengannya.*

Berdasarkan ayat di atas, jelaskan bagaimana boleh berlaku pemansuhan sesuatu hukum syara' yang didapati daripada .....

- [a] al-Quran dan digantikan dengan satu hukum baru juga daripada al-Quran.
  - [b] al-sunnah dan digantikan dengan satu hukum baru juga daripada al-sunnah.
  - [c] al-sunnah dan digantikan dengan satu hukum baru daripada al-Quran.
  - [d] al-Quran dan digantikan dengan satu hukum baru daripada al-sunnah.
3. Firman Allah S.W.T., surah al-Nisa, ayat 115 yang bermaksud: *Dan barangsiapa yang menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya dan mengikuti jalan yang bukan jalan orang-orang mukmin, melainkan Kami biarkannya terus sesat sebagaimana dia telah sesat dan Kami akan masukkannya ke dalam neraka jahannam, itulah seburuk-buruk tempat kembali.*

Berdasarkan ayat di atas, jelaskan .....

- [a] pengertian istilah ijma' lafzi dan kedudukannya.
- [b] maksud daripada istilah istishab hal al-ijma'.
- [c] pandangan ulama' Usul al-fiqh terhadap istilah ijma' sukuti.
- [d] pandangan ulama' Usul al-fiqh tentang kesahihan ijma' yang hanya berdasarkan kepada ijtihad dan qiyas.

4. Huraikan tiga daripada prinsip-prinsip perundangan Islam berikut:

- [a] Syak tidak boleh menghilangkan yakin.
- [b] Tiap-tiap 'ibadah hukum asalnya haram.
- [c] Sesiapa yang bertindak menyegerakan sesuatu sebelum tiba masanya dihukum dengan pengharaman hak asalnya.
- [d] Hukuman hudud boleh digugurkan dengan syubhat.

--ooo000ooo--